

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Garis Panduan
**PENYEDIAAN
LAPORAN PENYELIDIKAN
PENGAJIAN SISWAZAH**
EDISI KETIGA 2022
PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH

*GUIDELINE FOR THE PREPARATION OF
RESEARCH REPORT FOR GRADUATE STUDIES - THIRD EDITION
CENTRE FOR POSTGRADUATE STUDIES*

GARIS PANDUAN PENYEDIAAN LAPORAN PENYELIDIKAN
PENGAJIAN SISWAZAH
*GUIDELINE FOR THE PREPARATION OF RESEARCH REPORT
FOR GRADUATE STUDIES*

EDISI KETIGA
THIRD EDITION

PUSAT PENGAJIAN PASCASISWAZAH
CENTRE FOR POSTGRADUATE STUDIES

2022

Hak Cipta UMK 2024

Hak cipta terpelihara. Tidak ada bahagian daripada dokumen ini yang boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem yang boleh dicapai semula, atau dipindahkan ke dalam sebarang bentuk melalui apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, mekanikal, penduaan, rakaman, atau cara lain tanpa mendapat keizinan bertulis daripada Pusat Komunikasi Korporat, Pejabat Naib Canselor, Universiti Malaysia Kelantan.

All rights are reserved. No part of this document may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted in any form by any means, either electronic, mechanical, photocopying, recording, or otherwise, without written permission from the Corporate Communication Centre of the Vice-Chancellor Office, Universiti Malaysia Kelantan.

Judul: Garis Panduan Penyediaan Laporan Penyelidikan Siswazah Edisi Ketiga

No.eISBN: 978-629-98379-7-8

Diterbitkan oleh;

Penerbitan Korporat UMK
Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Laman Web
Pusat Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan
16300 Bachok
Kelantan Darul Naim

Tel : 09-7797015
Emel : bpk.pkk@3umk.edu.my
Website: corporate.umk.edu.my

Disediakan oleh;

Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Malaysia Kelantan
Kampus Kota, Pengkalan Chepa
16100 Kota Bharu,
Kelantan Darul Naim

Tel : +609-7717145/7049

Faks: +609-7717162

PRAKATA

PREFACE

Assalamualaikum wrt dan Salam Sejahtera.
Assalamualaikum wrt and Greetings.

Segala pujian kehadiran Allah swt kerana atas pertolongan dan limpahan RahmatNya, Garis Panduan ini dapat disiapkan dan dikongsi guna dengan jayanya.
All Praise to Allah swt upon His guidance and blessing, this Guideline has been successfully completed and shared for use.

Dokumen ini memuatkan panduan penyediaan sesebuah Laporan Penyelidikan yang perlu diguna pakai oleh pihak berkepentingan, khususnya pelajar dan pihak Universiti. Berbanding dengan edisi yang terdahulu, Garis Panduan, Edisi Ketiga ini lebih menyeluruh kerana ia mengambil kira polisi, peraturan akademik, dan keperluan semasa Program Pengajian Siswazah bagi semua mod pengajian.
This document guides the preparation of a Research Report which is required to be applied by stakeholders, particularly the students and University. In comparison with the previous editions, this Third Edition Guideline is more comprehensive because it has taken into account all the present policies, academic regulations, and requirements of Graduate Study Programme for all modes of study.

Penyediaan Garis Panduan ini telah diusahakan oleh Ahli Jawatankuasa Semakan Struktur dan Pengurusan Pengajian Siswazah serta melibatkan ramai staf akademik dan bukan akademik melalui bengkel dan perbincangan di peringkat Pusat Pengajian Siswazah dan Universiti. Garis Panduan ini telah diluluskan oleh Senat Universiti Malaysia Kelantan pada 20hb September 2022.
The preparation of this Guideline was done by Members of the Committee for Reviewing the Structure and Management of Graduate Studies and involved many academic and non-academic staff in workshops and discussions at the Centre for Postgraduate Studies and the University. This Guideline was approved by the Senate of Universiti Malaysia Kelantan on the 20th of September 2022.

Pada kesempatan ini, bagi pihak Pusat Pengajian Pascasiswazah, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan Garis Panduan ini.
At this opportunity, on behalf of the Centre for Postgraduate Studies, I would like to express my utmost appreciation and gratitude to all parties who were involved directly or indirectly in making this Guideline.

Semoga Garis Panduan ini membantu pelajar dan staf Universiti Malaysia Kelantan serta pihak berkepentingan lain dalam menyediakan sesebuah Laporan Penyelidikan Pengajian Siswazah.
Hopefully this Guideline helps students and staff of Universiti Malaysia Kelantan as well as other stakeholders prepare a Research Report for Graduate Studies.

Pihak kami sangat mengalu-alukan sebarang maklum balas daripada semua pihak untuk tujuan penambahbaikan isi kandungan dan persembahan Garis Panduan ini pada masa hadapan.

We welcome any feedbacks from all parties for improvement of the content and presentation of this Guideline in the future.

Terima kasih.

Thank you.

Pengerusi

Jawatankuasa Semakan Struktur dan Pengurusan Pengajian Siswazah

(Penyemak/ Penulis Utama/

Principal Reviewer and Editor)

PROF. DR. MOHD ROSLI BIN MOHAMAD

Dekan/*Dean*

Pusat Pengajian Pascasiswazah

Centre for Postgraduate Studies

Disember 2022

ISI KANDUNGAN
TABLE OF CONTENT

	PRAKATA <i>PREFACE</i>	ii
1.0	Pengenalan <i>INTRODUCTION</i>	1
1.1	Tujuan <i>Purpose</i>	1
1.2	Glosari <i>Glossary</i>	1
2.0	Struktur Laporan Penyelidikan <i>RESEARCH REPORT STRUCTURE</i>	3
2.1	Komponen Awal <i>Preliminary Component</i>	5
2.1.1	Kulit Depan <i>Front Cover</i>	5
2.1.2	Halaman Tajuk <i>Title Page</i>	6
2.1.3	Perakuan Kesahihan Karya Asli <i>Original Literary Work Declaration</i>	8
2.1.4	Abstrak <i>Abstract</i>	8
2.1.5	Penghargaan <i>Acknowledgements</i>	9
2.1.6	Isi Kandungan <i>Table of Contents</i>	9
2.1.7	Senarai Jadual <i>List of Tables</i>	11
2.1.8	Senarai Rajah <i>List of Figures</i>	11
2.1.9	Senarai Singkatan Kata <i>List of Abbreviations</i>	12

2.1.10	Senarai Simbol <i>List of Symbols</i>	13
2.2	Teks Utama <i>Body Text</i>	14
2.2.1	Bab Laporan <i>Report Chapter</i>	14
2.2.1.1	Bab/ Chapter 1: Pengenalan <i>Introduction</i>	15
2.2.1.2	Bab/ Chapter 2: Kajian Literatur <i>Literature Review</i>	17
2.2.1.3	Bab/ Chapter 3: Kaedah Penyelidikan <i>Research Methodology</i>	17
2.2.1.4	Bab/ Chapter 4: Penemuan atau Penemuan dan Perbincangan <i>Findings or Findings and Discussion</i>	18
2.2.1.5	Bab/ Chapter 5: Kesimpulan <i>Conclusion</i>	18
2.2.2	Jadual <i>Tables</i>	19
2.2.3	Rajah <i>Figures</i>	20
2.2.4	Persamaan atau Formula <i>Equations or Formula</i>	21
2.2.5	Sitasi, Petikan dan Rujukan <i>Citation, Quotation and Reference</i>	21
2.3	Komponen Tambahan <i>Supplementary Component</i>	28
2.3.1	Senarai Penerbitan dan Kertas Kerja yang dibentangkan <i>List of Publications and Presented Papers</i>	28
2.3.2	Lampiran <i>Appendices</i>	29
3.0	KONVENSYEN PENULISAN <i>WRITING CONVENTION</i>	29

3.1	Unit Pengukuran <i>Measurement Unit</i>	29
3.2	Penggunaan Nombor <i>Use of Numbers</i>	30
3.3	Simbol Peratusan <i>Percentage Symbol</i>	31
3.4	Perenggan <i>Paragraphs</i>	32
3.5	Plagiat <i>Plagiarism</i>	32
4.0	SPESIFIKASI LAPORAN <i>REPORT SPECIFICATION</i>	32
4.1	Kertas <i>Paper</i>	32
4.2	Penaipan, Penduaan dan Pencetakan <i>Typing, Duplicating and Printing</i>	33
4.3	Birai Margins	33
4.4	Jarak Garisan <i>Line Spacing</i>	34
4.5	Penomboran Halaman <i>Pagination</i>	34
4.6	Had Perkataan <i>Word Limit</i>	35
4.7	Penjilidan <i>Binding</i>	36
5.0	PENYERAHAN LAPORAN PENYELIDIKAN <i>RESEARCH REPORT SUBMISSION</i>	37
6.0	KENYATAAN UMUM <i>GENERAL STATEMENT</i>	39
6.1	Pemakaian <i>Application</i>	39



6.2	Penafian <i>Disclaimer</i>	39
	RUJUKAN <i>REFERENCE</i>	40
	LAMPIRAN <i>APPENDICES</i>	41
	JAWATAN KUASA SEMAKAN STRUKTUR DAN PENGURUSAN PROGRAM SISWAZAH	50



1.0 **PENGENALAN** *INTRODUCTION*

1.1 **Tujuan** *Purpose*

Garis Panduan ini adalah selari dengan Peraturan Akademik Pengajian Siswazah, Universiti Malaysia Kelantan yang sedang berkuatkuasa.

This Guideline conforms to the currently-in-force Academic Regulations for Graduate Studies, Universiti Malaysia Kelantan.

Ia bertujuan untuk:

It aims to:

- 1) membantu seseorang pelajar siswazah yang mengikuti sesebuah program pengajian secara kerja kursus, mod campuran, atau penyelidikan menyediakan sesebuah Laporan Penyelidikan dalam format yang seragam;
assist a graduate student who attends a study programme by coursework, mixed mode, or research for preparing a Research Report in a standard format;
- 2) memberi panduan kepada penyelia dan entiti akademik membantu pelajar menyediakan sesebuah Laporan Penyelidikan; dan
provide guidance to supervisor and academic entity to assist student in preparing a Research Report; and
- 3) menyediakan suatu templat yang seragam merentasi program dan bidang pengajian di Universiti Malaysia Kelantan.
provide a standard template across study programme and field of study in Universiti Malaysia Kelantan.

1.2 **Glosari** *Glossary*

Dalam Peraturan ini, kecuali jika dinyatakan sebaliknya, setiap perkataan atau istilah didefinisikan seperti berikut:

In this Guideline, unless stated otherwise, each word or term is defined as follows:

Abstrak <i>Abstract</i>	<i>Suatu ringkasan padat keseluruhan Laporan Penyelidikan. Ia mesti serba lengkap dan munasabah dengan sendirinya, tanpa perlu merujuk kepada sumber lain.</i> <i>A concise summary of the entire Research Report. It must be fully self-contained and make sense by itself, without further reference to outside sources.</i>
Badan Berkuasa <i>Authorised Body</i>	Kementerian, agensi, atau badan yang berkenaan, termasuk Kementerian Pengajian Tinggi, Agensi Kelayakan Malaysia, Senat Universiti, badan ikhtisas, atau organisasi lain yang berkaitan dengan pengajian tinggi.



Relevant ministry, agency, or body, including the Ministry of Higher Education, the Malaysia Qualifications Agency, the University's Senate, professional body, or any other organisation related to higher education.

Calon/ Pelajar
Candidate/ Student

Calon atau pelajar digunakan secara bergantian merujuk kepada seseorang individu yang mengikuti sesebuah program pengajian siswazah dan aktif di sepanjang tempoh pengajiannya.

Candidate or student is used interchangeably to refer to an individual who has enrolled in a graduate study programme and been active throughout his candidature period.

Entiti Akademik
Academic Entity

Sesebuah fakulti, pusat, sekolah, unit, atau sebarang nama lain yang diluluskan oleh Badan Berkuasa untuk menawarkan program pengajian siswazah di Universiti Malaysia Kelantan. *A faculty, centre, school, unit, or any other names approved by the authorised body to offer graduate study programme at Universiti Malaysia Kelantan.*

Rajah
Figure

Sebarang jenis gambaran, termasuk carta, graf, gambar, peta, lakaran, lukisan, dan imej, selain daripada jadual.

Any type of illustration, inclusive of the chart, graph, photograph, map, sketch, drawing, and image, other than a table.

Jadual
Table

Nilai, angka, atau maklumat yang dipaparkan dalam baris dan kolom.

Value, numeral, or information which are displayed in rows and columns.

Laporan Penyelidikan
Research Report

Sebuah dokumen hasil kerja penyelidikan asli yang disedia dan diserahkan oleh seseorang pelajar atau calon bagi memenuhi sebahagian atau memenuhi syarat program pengajian siswazah. Laporan ini termasuk tesis, disertasi, projek penyelidikan, kertas projek atau sebarang nama lain yang diluluskan oleh Badan Berkuasa.

A document of the outcome of an original research work prepared and submitted by a student for the partial fulfilment or fulfilment of a graduate study programme. This report includes thesis, dissertation, research project, project paper or any other name as approved by the authorised body.

Petikan
Quotation

Suatu pengulangan kepada sesuatu ayat atau frasa daripada pertuturan atau teks asal.

The repetition of a sentence or phrase from original speech or text.

Plagiat
Plagiarism

Sesuatu tindakan mengambil idea, proses, hasil, dan penulisan tanpa memberi kredit atau penghargaan kepada sumber asal dan menuntutnya sebagai karya sendiri.



An act of taking an idea, process, result, and writing without giving credit or acknowledgement to the original source and claiming it as his own work.

Program Ijazah/ Pengajian
Degree/ Study Programme

Program ijazah atau pengajian adalah digunakan secara bergantian. Ia merujuk kepada pengajian lanjutan dalam bidang pengajian yang khusus dan diikuti selepas seseorang memperoleh Ijazah Sarjana Muda. Ini termasuk Program Sarjana, Doktor Falsafah, atau Ijazah Kedoktoran yang lain.
Degree or study programme is used interchangeably. It is an advanced study programme in a specialised field of study, pursued after one has already obtained a Bachelor's Degree. This includes Master's, Doctor of Philosophy or other Doctoral Degree Programme.

Sitasi
Citation

Suatu rujukan rasmi kepada sumber maklumat yang diterbitkan atau tidak diterbitkan dan digunakan dalam sesebuah penyelidikan.
A formal reference to a published or unpublished source of information used by a research.

Dalam Garis Panduan ini, kecuali jika dinyatakan sebaliknya:
In this Guideline, unless stated otherwise:

- 1) perkataan yang menandakan jantina lelaki adalah termasuk jantina perempuan dan tanpa jantina dan sebaliknya; dan
word denoting the masculine gender includes the feminine and neuter genders and vice versa; and
- 2) perkataan yang menandakan bilangan tunggal adalah termasuk bilangan majmuk dan sebaliknya.
word denoting a singular number includes plural and vice versa.

2.0 STRUKTUR LAPORAN PENYELIDIKAN *RESEARCH REPORT STRUCTURE*

Keseluruhan Laporan Penyelidikan mesti ditulis dengan fon Times New Roman dan distrukturkan mengikut format am seperti dalam **Rajah 1** yang dibahagikan kepada Komponen Awal, Teks Utama, dan Komponen Tambahan. Bagaimanapun, sebarang perubahan kepada format seperti yang ditetapkan oleh sesebuah program atau bidang pengajian adalah dibenarkan.

*The entire Research Report must be written in Times New Roman font and structured in a generic format as shown in **Figure 1** which is divided into Preliminary Component, Body Text, and Supplementary Component. However, any format variation as required by a programme or field of study is allowable.*

Komponen Awal <i>Preliminary Component</i>	
<ul style="list-style-type: none"> • Kulit Depan <i>Front Cover</i> • Halaman Tajuk <i>Title Page</i> • Perakuan Kesahihan Karya Asli <i>Original Literary Work Declaration</i> • Abstrak <i>Abstract</i> • Penghargaan <i>Acknowledgements</i> • Isi Kandungan <i>Table of Contents</i> • Senarai Jadual <i>List of Tables</i> • Senarai Rajah <i>List of Figures</i> • Senarai Singkatan Kata <i>List of Abbreviations</i> • Senarai Simbol <i>List of Symbols</i> 	
Teks Utama <i>Body Text</i>	
<ul style="list-style-type: none"> • Bab/ <i>Chapter</i> 1: Pengenalan Introduction • Bab/ <i>Chapter</i> 2: Tinjauan Literatur Literature Review • Bab/ <i>Chapter</i> 3: Metodologi Penyelidikan Research Methodology • Bab/ <i>Chapter</i> 4: Penemuan atau Penemuan dan Perbincangan Findings or Findings and Discussion • Bab/ <i>Chapter</i> 5: Kesimpulan Conclusion • Rujukan <i>References</i> 	
Komponen Tambahan <i>Supplementary Component</i>	
<ul style="list-style-type: none"> • Senarai Penerbitan dan Kertas Yang Telah Dibentangkan <i>List of Publications and Presented Papers</i> • Lampiran <i>Appendices</i> 	

Rajah/ *Figure* 1: Struktur umum Laporan Penyelidikan
General structure of Research Report

2.1 **Komponen Awal** *Preliminary Component*

Komponen ini mesti mengandungi 10 sub-komponen dan setiap halaman mesti dinomborkan dengan angka Roman (ii, iii, iv, dan seterusnya), kecuali pada halaman Kulit Depan dan Halaman Tajuk.

This component must have 10 sub-components and be numbered in Roman numeral (ii, iii, iv, and so on), except for Front Cover and Title Page.

2.1.1 **Kulit Depan** *Front Cover*

Sub-komponen ini mesti tidak dinomborkan dan ia mesti mengandungi empat (4) sub-butiran, iaitu tajuk penyelidikan (saiz fon 18), nama penuh calon (saiz fon 16), nama ijazah (saiz fon 14) dan tahun penyerahan Laporan Penyelidikan yang akhir (saiz fon 14).

This sub- component must be left unnumbered and it must contain four (4) sub-items, that is research title (18 font size), full name of candidate (16 font size), name of degree (14 font size) and year of final report submission (14 font size).

Sesuai Tulang Belakang mesti mengandungi tiga (3) sub-butiran, iaitu nama penuh calon (12, sebelah kiri), nama ijazah (12, di bahagian tengah) dan tahun penyerahan Laporan Penyelidikan yang akhir (12, sebelah kanan).

A spine must contain three (3) sub-items, that is full name of candidate (12, on the left), name of degree (12, in the middle) and year of final Research Report submission (12, on the right).

Kulit Depan dan Tulang Belakang sesebuah Laporan Penyelidikan bagi tujuan penyerahan akhir mesti ditaip dengan Times New Roman (Huruf Besar), jarak tunggal dan mesti dicetak berwarna emas.

The Front Cover and Spine of a Research Report for final submission must be typed using Times New Roman (Capital Letters), single spacing and must be printed in gold colour.

Birai Kulit Depan mesti 5.0 cm (atas), 5.0 cm (bawah), 4.0 cm (kiri) dan 4.0 cm (kanan).

Margins of the Front Cover must be 5.0 cm (top), 5.0 cm (bottom), 4.0 cm (left) and 4.0 cm (right).

Lampiran A1 menunjukkan isi kandungan serta format birai dan tulang belakang, manakala **Lampiran A2** memaparkan sampel Kulit Depan dan tulang belakang sesebuah Laporan Penyelidikan.

Appendix A1 shows the content, margin and spine format, while Appendix A2 demonstrates the sample of Front Cover and spine of a Research Report.

2.1.2 Halaman Tajuk *Title Page*

Sub-komponen ini merupakan halaman pertama yang wujud selepas Kulit Depan bagi sesebuah Laporan Penyelidikan, tetapi ia tidak dinomborkan serta mesti ditaip Times New Roman, saiz fon 16 dan jarak tunggal. Ia mengandungi lima (5) sub-butiran, iaitu:

This sub-component is the first page coming after the Front Cover of a Research Report, but it is left unnumbered and must be typed using Times New Roman, font size 16 and single spacing. It contains five (5) sub-items, namely:

- a) Sesuatu tajuk kajian yang terakhir dan diluluskan oleh Senat (huruf besar bagi setiap huruf pertama perkataan, kecuali bagi kata penghubung);
A final research title approved by the Senate (capitalize the first letter of each word, except for article and preposition);
- b) Nama calon mengikut pendaftaran (huruf besar bagi setiap huruf pertama perkataan);
Name of candidate as per registration (capitalize the first letter of each word);
- c) Suatu pernyataan mengikut keperluan dan nama ijazah (huruf besar bagi setiap huruf pertama perkataan) seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 1**;
*A statement according to the degree requirement and name (capitalize the first letter of each word) as for example shown in **Table 1**;*
- d) Fakulti (Nama Entiti Akademik);
Faculty of (Name of Academic Entity);
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN; dan/ *and*
- e) Tahun penyerahan Laporan Penyelidikan yang akhir.
The year of Final Report submission.

Lampiran B menunjukkan sampel Halaman Tajuk bagi Ijazah Sarjana, atau Doktor Falsafah, atau nama ijazah lain secara penyelidikan dalam Bahasa Inggeris.

Appendix B shows the sample of Title Page for Master's, or Doctor of Philosophy, or name of other degree by research in English.

Jadual/ Table 1: Pernyataan pada Halaman Tajuk mengikut ijazah dan mod pengajian
Statement on the Title Page by degree and study mode

Ijazah Sarjana <i>Master's Degree</i>		
Projek Penyelidikan/ Research Project (secara Kerja Kursus/ <i>by Coursework</i>)	Disertasi/ Dissertation (secara Mod Campuran/ <i>by Mixed Mode</i>)	Tesis/ Thesis (secara Penyelidikan/ <i>by Research</i>)
Pernyataan/Statement: Projek penyelidikan yang diserahkan kepada ... (nyatakan nama entiti akademik), UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN untuk memenuhi sebahagian keperluan ijazah (nyatakan nama ijazah) <i>A research project submitted to the (state the name of academic entity), Universiti Malaysia Kelantan in partial fulfilment of the requirements for the degree of (state name of the degree)</i>	Pernyataan/Statement: Disertasi yang diserahkan untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan ijazah (nyatakan nama ijazah) <i>A dissertation submitted in partial fulfilment of the requirements for the degree of (state name of the degree)</i>	Pernyataan/Statement: Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan ijazah.... (nyatakan nama ijazah) <i>A thesis submitted in fulfilment of the requirements for the degree of (state name of the degree)</i>
Ijazah Kedoktoran <i>Doctoral Degree</i>		
Disertasi/ Dissertation (secara Kerja Kursus atau Kerja Kursus Klinikal/ <i>by Coursework or Clinical Coursework</i>)	Disertasi/ Dissertation (secara Mod Campuran/ <i>by Mixed Mode</i>)	Tesis/ Thesis (secara Penyelidikan/ <i>by Research</i>)
Pernyataan/Statement: Disertasi yang diserahkan untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan ijazah (nyatakan nama ijazah) <i>A dissertation submitted in partial fulfilment of the requirements for the degree of (state name of the degree)</i>	Pernyataan/Statement: Disertasi yang diserahkan untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan ijazah (nyatakan nama ijazah) <i>A dissertation submitted in partial fulfilment of the requirements for the degree of (state name of the degree)</i>	Pernyataan/Statement: Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan ijazah.... (nyatakan nama ijazah) <i>A thesis submitted in fulfilment of the requirements for the degree of (state name of the degree)</i>

2.1.3 Perakuan Kesahihan Karya Asli *Original Literary Work Declaration*

Pada halaman kedua sesebuah Laporan Penyelidikan, seseorang calon mesti menyertakan borang Perakuan Kesahihan Karya Asli yang lengkap diisi dan mula menomborkan halaman ini dengan angka Roman “ii”.

On the second page of a Research Report, a candidate must attach a completed form of Original Literary Work Declaration and begins to number this page with Roman numeral “ii”.

Seseorang calon mesti menggunakan Borang Perakuan Kesahihan Karya Asli seperti di **Lampiran C** yang boleh dimuat turun daripada laman web Pusat Pengajian Siswazah. Borang yang lengkap diisi mengikut bahasa yang digunakan mesti dimasukkan ke dalam semua salinan Laporan Penyelidikan.

*A candidate must use the Original Literary Work Declaration Form as in **Appendix C** which can be downloaded from the Website of the Centre for Postgraduate Studies. The completed form by the language used must be incorporated in all copies of the Research Report.*

2.1.4 Abstrak *Abstract*

Diberikan angka Roman "iii", sesuatu abstrak harus menonjolkan lima (5) unsur utama, iaitu pernyataan masalah, objektif kajian, kaedah penyelidikan, penemuan kajian, dan implikasi kajian.

Assigned Roman numeral “iii”, an abstract should highlight five (5) key elements, namely problem statement, objective of the study, research methodology, findings, and implications of the study.

Sebuah abstrak yang dibina dengan baik mesti dalam satu perenggan sahaja dan bilangan perkataan tidak melebihi 500 dengan jarak tunggal. Ia mesti disediakan kedua-duanya dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Bagi Laporan Penyelidikan yang ditulis dalam Bahasa Melayu, abstrak dalam Bahasa Melayu mesti didahulukan dan diikuti dengan versi Bahasa Inggeris, dan sebaliknya jika Laporan Penyelidikan ditulis dalam Bahasa Inggeris. Jika Laporan Penyelidikan ditulis selain dari Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris, abstrak versi Bahasa Inggeris mesti disediakan bersama.

A well-developed abstract must be in a single paragraph only and with not more than 500 words in length with a single spacing. It must be written in both Bahasa Melayu and English. For a Research Report written in Bahasa Melayu, the abstract in Bahasa Melayu must come first and be followed by the English version, and vice versa if the Research Report is written in English. If the Research Report is written in other than Malay or English, an English abstract version must be provided together.

Tajuk penyelidikan mesti diletakkan di bahagian atas Abstrak. Perkataan “ABSTRAK” mesti ditulis dengan huruf besar di bahagian atas-tengah halaman, manakala isi kandungan Abstrak mesti ditulis dengan jarak tunggal.

A research title must be placed on the top of an Abstract. The word “ABSTRACT” must be written in capital letters on the top-centre of the page, while the content of Abstract must be written in Single spacing.

Adalah baik jika seseorang calon boleh menyertakan maksimum lima (5) kata kunci di bahagian bawah Abstrak.

It is commendable if a candidate can provide a maximum of five (5) keywords under the Abstract.

Sampel Abstrak dan Senarai Kata Kunci adalah dipamerkan di **Lampiran D**.

*The sample of an Abstract and the List of Keywords is shown in **Appendix D**.*

2.1.5 Penghargaan

Acknowledgements

Seseorang calon mesti memberi penghargaan kepada pihak yang membantunya dalam penyelidikan dan penyediaan Laporan Penyelidikan, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung.

A candidate must acknowledge those who provided assistance to his research and preparation for the Research Report, either directly or indirectly.

Perkataan “PENGHARGAAN” mesti ditulis dengan huruf besar di bahagian atas-tengah halaman dan isi kandungan Penghargaan ditulis dalam satu halaman dengan jarak tunggal.

The word “ACKNOWLEDGEMENTS” must be written in capital letters on the top-centre of the page and its content is written on one page in single spacing.

Lampiran E menunjukkan sampel halaman Penghargaan.

Appendix E shows the sample of Acknowledgements page.

2.1.6 Isi Kandungan

Table of Contents

Sub-komponen ini menyenaraikan nombor dan tajuk setiap seksyen dan sub-seksyen bersama dengan nombor halaman masing-masing. Seksyen dan sub-seksyen mesti dilabelkan mengikut nombor halaman Laporan Penyelidikan.

This sub-component lists the number and title of each section and sub-section together with respective page numbers. Section and sub-section must be labelled corresponding to the page numbers in a Research Report.

Perkataan “Isi Kandungan” dan “Halaman” mesti ditulis dengan huruf besar masing-masingnya di bahagian atas-tengah halaman dan di bahagian atas kanan halaman.

The word “Table of Contents” and “Page” must be written in capital letters on the top-centred and the top-right of the page, respectively.

Contoh pelabelan, penomboran dan penjarakkan di halaman Isi Kandungan bagi Laporan Penyelidikan dalam Bahasa Inggeris adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2**.

*The example of labelling, numbering, and spacing on the Table of Contents page for a Research Report in English is shown in **Table 2**.*

Jadual/ Table 2: Contoh Isi Kandungan
Example of the Table of Contents

TABLE OF CONTENTS		
		} Double spacing (1x enter)
		PAGE
ORIGINAL LITERARY WORK DECLARATION		ii
ACKNOWLEDGMENTS		iii
CHAPTER 1 INTRODUCTION		
1.1	Research Background	1
1.2	Problem Statement	5
1.3	Objectives of the Study	7
CHAPTER 2 LITERATURE REVIEW		
2.1	Introduction	25
2.2	Innovation	25
	2.2.1 Product Innovation	28
	2.2.1.1 Product Design	28
	2.2.2 Technical Innovation	30

2.1.7 Senarai Jadual *List of Tables*

Sub-komponen ini menyenaraikan nombor dan tajuk setiap jadual serta nombor halaman masing-masing seperti dalam Teks Utama. Sistem penomboran mesti selari dengan nombor bab. Contoh, jadual dalam Bab 1 dinomborkan secara berurutan sebagai Jadual 1.1, Jadual 1.2 dan seterusnya.

This sub-component lists the number and title of each table together with their respective page numbers as in the Body Text. The numbering system must correspond to the chapter number. For example, tables in Chapter 1 are numbered sequentially as Table 1.1, Table 1.2 and so on.

Jika keseluruhan Laporan Penyelidikan mempunyai satu atau dua jadual sahaja, Senarai Jadual tidak diperlukan.

If the entire Research Report only has one or two tables, the List of Table is unnecessary.

Jadual 3 menunjukkan contoh pelabelan, penomboran, dan penjarakkan di halaman Senarai Jadual.

Table 3 shows the example of labelling, numbering, and spacing on the List of Tables page.

Jadual/ Table 3: Contoh Senarai Jadual
Example of the List of Tables

LIST OF TABLES		
NO.		PAGE
1.1	Title of Table 1.1 as in Chapter 1	10
1.2	Title of Table 1.2 as in Chapter 1	15
2.1	Title of Table 2.1 as in Chapter 2	29

2.1.8 Senarai Rajah *List of Figures*

Sub-komponen ini menyenaraikan nombor dan tajuk setiap rajah bersama dengan nombor halaman masing-masing seperti dalam Teks Utama. Sistem penomboran mesti selari dengan nombor bab. Sebagai contoh, rajah dalam Bab 1 dinomborkan secara berurutan sebagai Rajah 1.1, Rajah 1.2 dan seterusnya.

This sub-component lists the number and title of each figure together with their respective page numbers as in the Body Text. The numbering system must correspond to the chapter number. For example, figures in Chapter 1 are numbered sequentially as Figure 1.1, Figure 1.2 and so on.

Jika keseluruhan Laporan Penyelidikan mempunyai satu atau dua angka sahaja, Senarai Rajah tidak diperlukan.

If the entire Research Report only has one or two figures, the List of Figures is unnecessary.

Jadual 4 menunjukkan contoh pelabelan, penomboran, dan penjarakkan di halaman Senarai Rajah.

Table 4 shows the example of labelling, numbering, and spacing on the List of Figures page.

Jadual/ Table 4: Contoh Senarai Rajah
Example of the List of Figures

LIST OF FIGURES		
NO.		PAGE
1.1	Title of Figure 1.1 as in Chapter 1	12
1.2	Title of Figure 1.2 as in Chapter 1	16
2.1	Title of Figure 2.1 as in Chapter 2	31

2.1.9 Senarai Singkatan Kata *List of Abbreviations*

Sebarang singkatan kata yang digunakan dalam teks mesti disenaraikan dengan sewajarnya di halaman Senarai Singkatan Kata. Seseorang calon dinasihatkan merujuk ejaan dan singkatan kata di dokumen rasmi Badan Berkuasa dan Kamus Oxford Advanced Learner yang diterbitkan oleh Oxford University Press atau standard antarabangsa yang terkini.

Any abbreviation used in the text must be listed down accordingly on the List of Abbreviations page. A candidate is advisable to refer the spelling and abbreviations to the official documents of Authorised Bodies and the latest edition of the Oxford Advanced Learner's Dictionary published by Oxford University Press or international standards.

Rajah 2 menunjukkan contoh pelabelan dan penjarakkan Senarai Singkatan Kata.
Figure 2 shows the example of labelling and spacing on the List of Abbreviations

LIST OF ABBREVIATIONS	
ASS	Atomic Absorption Spectrometry
ANOVA	Analysis of Variance
FA	Factor Analysis

} Double spacing
(1x enter)

Rajah/ Figure 2: Contoh Senarai Singkatan Kata
Example of the List of Abbreviations

2.1.10 Senarai Simbol *List of Symbols*

Simbol yang sedia ada dalam kebanyakan pemprosesan perkataan mesti digunakan untuk memasukkan simbol atau aksara. Seseorang pelajar tidak dibenarkan menukar simbol daripada fon biasa kepada fon condong (italik) dan menggunakan simbol atau aksara yang di luar kebiasaan.

The existing symbols within most word processors must be used to insert a symbol or character. A student is not allowed to convert a symbol from a normal to an italic font and to use uncommon symbols or characters.

Rajah 3 menunjukkan contoh pelabelan dan penjarakkan di halaman Senarai Simbol.
Figure 3 shows the example of labelling and spacing on the List of Symbols page.

LIST OF SYMBOLS	
%	Percentage
>	Greater than
Π	Profit

} Double spacing
(1x enter)

Rajah / Figure 3: Contoh Senarai Simbol
Example of the List of Symbols

2.2 Teks Utama *Body Text*

Komponen ini mengandungi bab laporan, jadual, rajah, persamaan atau formula, sitasi dan rujukan. Bermula daripada halaman pertama Teks Utama sehingga ke halaman terakhir Lampiran, semua halaman mesti dinomborkan secara berturut-turut dengan menggunakan angka Arab (1, 2, 3, dan seterusnya).

This component contains report chapter, table, figure, equation or formula, citation and reference. Commencing from the first page of the Body Text through the last page of Appendices, all pages must be numbered consecutively with Arabic numerals (1, 2, 3, and so on).

2.2.1 Bab Laporan *Report Chapter*

Sesebuah Laporan Penyelidikan secara konvensionalnya distrukturkan kepada beberapa bab seperti yang dijelaskan di bawah. Nama bab mesti dinomborkan secara berturutan dengan angka Arab, iaitu BAB 1, BAB 2, BAB 3 dan seterusnya. Nama dan tajuk bab mesti ditaip dengan huruf besar dan berpusat di antara birai kiri dan kanan.

A Research Report is conventionally structured into a few chapters as explained below. Chapter name must be consecutively assigned with Arabic numerals, namely CHAPTER 1, CHAPTER 2, CHAPTER 3 and so on, Name and title of a chapter must be typed in capital letters and centred between the left and right margins.

Setiap bab mesti dimulakan pada halaman baharu. Ia boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian dan sub-bahagian dengan tajuk dan sub-tajuk masing-masing serta ditaip dalam huruf tebal tanpa garis bawah. Jika tajuk bab, bahagian, atau sub-bahagian melebihi satu baris, jarak antara baris mesti sama dengan teks, iaitu jarak berganda.

Each chapter must begin on a new page. It can be divided into section and sub-section with respective title and sub-title and typed in bold without underline. If a chapter title, section, or sub-section exceed a single line, the spacing between the lines must be the same as that of the text, i.e. double-spacing.


Sub-bahagian boleh dipecahkan sehingga tiga titik perpuluhan (contohnya, 2.2.1.1). Nombor sub-bahagian mesti mengikut nombor bahagian masing-masing dan penomborannya tidak dienggot ke dalam.

Sub-section can be divided up to a maximum of three decimal points (for example, 2.2.1.1). The number of sub-sections must follow its respective section number and its numbering is not indented.

Semua bahagian dan sub-bahagian mesti disenaraikan dalam Isi Kandungan.

All sections and sub-sections must be listed in the Table of Contents.

Rajah 4 menunjukkan format sebuah bab Laporan Penyelidikan.
Figure 4 shows the example of a Research Report chapter.



Rajah / Figure 4: Contoh format bab
Example of a chapter format

2.2.1.1 Bab/ Chapter 1: Pengenalan ***Introduction***

Bab ini biasanya mempunyai tujuh (7) bahagian:
This chapter normally has seven (7) sections:

(1) Latar Belakang Kajian
Research Background

Bahagian ini mesti menyediakan maklumat latar belakang penyelidikan berhubung kemunculan dan evolusi topik kajian. Tumpuan di sini mesti dibuat pada arah aliran yang dominan, kajian mercu tanda, dan jika bersesuaian, perkembangan keserjanaan yang terbaru dalam bidang dan topik kajian.

This section must provide background information of research regarding the emergence and evolution of the topic under the study. Focus here must be made on dominant trends, landmark studies, and if appropriate, more recent developments in scholarship of the studied field and topic.

(2) **Pernyataan Masalah**
Problem Statement

Bahagian ini mesti menonjolkan isu atau masalah penyelidikan yang menampakkan jurang teori, konsep, asas, empirika, kontekstual, metodologi, praktikal, dan/atau polisi dalam literatur serta kepentingan masalah sehingga mewajarkan kajian perlu dijalankan.

This section must highlight issues or research problems showing any theoretical, conceptual, fundamental, empirical, contextual, methodological, practical, and/or policy gaps in the literature as well as the significance of the problems as to why the studies ought to be carried out.

(3) **Soalan Kajian**
Research Questions

Bahagian ini (jika perlu) mesti menyenaraikan semua soalan utama yang mesti dijawab oleh penyelidikan. Soalan kajian biasanya disediakan mengikut objektif kajian dan mesti diselaraskan dengan pernyataan masalah.

This section (if necessary) must list all key questions that must be answered by the research. Research questions are usually provided based on the objectives of the study and must be aligned with the problem statement.

(4) **Objektif Kajian**
Research Objectives

Bahagian ini mesti menyatakan objektif umum dan khusus penyelidikan. Kebiasaannya, bilangan objektif khusus adalah sama dengan bilangan soalan kajian. Ia juga penting bahawa objektif penyelidikan didefinisi dengan baik, boleh diukur, mudah diakses, boleh dicapai, dan bersesuaian dengan jangka masa kajian.

This section must state the general and specific objectives of the research. Normally, the number of specific objectives tallies with the number of research questions. It is also important that research objectives are well-defined, measurable, easily accessible, achievable, and appropriate for the time frame of the study.

(5) **Kepentingan Kajian**
Significance of the Study

Bahagian ini mesti menyatakan kepentingan atau sumbangan sesuatu penyelidikan kepada badan ilmu (teori, konsep, prinsip, falsafah) dalam bidang kajian, amalan, polisi, pihak berkepentingan dan sebagainya.

This section must state the significance or contribution of a research to the body of knowledge (theory, concept, principles, philosophy) in the field of study, practices, policy, stakeholders and so on.

(6) **Skop Kajian**
Scope of the Study

Bahagian ini mesti menerangkan sejauh mana bidang penyelidikan yang diterokai dan parameter kajian beroperasi. Pernyataan tentang masalah kajian, objektif kajian, tempoh fokus kajian, kaedah penyelidikan, populasi, saiz sampel, lokasi geografi, konstruk, dan pembolehubah yang digunakan adalah membantu dalam menggambarkan batasan sesuatu penyelidikan.

This section must explain the extent to which a research area is explored, and the parameters of the study operates. Statements about research problems, objectives of the research, period of study focus, research methods, population, sample size, geographical location, constructs, and variables used are helpful to show the limitations of a research.

(7) *Definisi Operasi*
Operational Definition

Bahagian ini mesti menyediakan definisi atau menjelaskan sebarang istilah, konsep atau perkataan yang digunakan bagi pengoperasian penyelidikan, terutamanya dalam pengumpulan dan analisis data.

This section must define or clarify any terminology, concept, or word used for the operationalisation of the research, particularly for data collection and analysis.

2.2.1.2 Bab/ Chapter 2: Kajian Literatur
Literature Review

Bab ini meringkas, mensintesis, dan menilai ilmu pengetahuan semasa dalam bidang penyelidikan atau topik yang sedang dikaji. Lebih penting lagi, ia meneliti secara kritikal terhadap kajian terdahulu yang berkaitan dengan topik kajian supaya jurang dalam literatur dapat dikenal pasti dan mewajarkan kajian semasa.

This chapter summarises, synthesises, and evaluates the current state of knowledge about a research area or topic under investigation. More importantly, it critically reviews past studies related to the topic in order to show gaps in the literature or to alert the need for a study.

Ia juga membincangkan teori penyokong (jika berkenaan), menerangkan konsep atau pemboleh ubah yang digunakan dan hubungan kait antara mereka, menyatakan hipotesis atau proposisi (jika berkenaan); dan mencadangkan rangka kerja teori atau konsep penyelidikan. Kecukupan dan kesemasaan karya yang dikaji juga mesti menjadi perhatian calon.

It also discusses underpinning theory (if applicable), explains related concepts or variables used and their relationships, states hypotheses or proposition (if applicable); and proposes theoretical or conceptual framework for the research. Sufficiency and recentness of the literature reviewed must also be an attention to the candidate.

Bahagian pertama (Pengenalan) dan bahagian terakhir (Ringkasan) boleh dimasukkan dalam Bab ini.

The first section (Introduction) and the last section (Summary) can be included in this Chapter.

2.2.1.3 Bab/ Chapter 3: Kaedah Penyelidikan
Research Methodology

Bab ini menerangkan jenis dan falsafah penyelidikan (jika berkenaan), mewajarkan kaedah yang digunakan, dan menjelaskan kaedah pengumpulan data (kualitatif dan/atau kuantitatif, eksperimen dan/atau bukan eksperimen, populasi, persampelan, sampel, instrumen, pengukuran dsb) dan analisis data (kualitatif dan/atau kuantitatif, data atau ujian statistik) yang bersesuaian dengan objektif penyelidikan dan bidang pengajian.

This chapter explains the types and philosophy of research (if applicable), justifies the methods used, and describes methods of data collection (qualitative and/ or quantitative, experimental and/or non-experimental, population, sampling, samples, instrument, measurement etc) and data analysis

(qualitative and/ or qualitative, data or statistical tests) suited to research objectives and field of study.

Bahagian pertama (Pengenalan) dan bahagian terakhir (Ringkasan) boleh dimasukkan dalam Bab ini.

The first section (Introduction) and the last section (Summary) can be included in this Chapter.

2.2.1.4 Bab/ Chapter 4: Penemuan atau Penemuan dan Perbincangan *Findings or Findings and Discussion*

Bab ini membentangkan semua penemuan atau keputusan daripada penyelidikan selaras dengan objektif penyelidikan. Jadual dan rajah boleh digunakan untuk menggambarkan penemuan yang khusus.

This chapter presents all findings or results of research corresponding to research objectives. Tables and figures can be used to illustrate specific findings.

Bergantung kepada bidang atau disiplin pengajian, perbincangan terhadap penemuan kajian boleh dilakukan dalam bab ini atau dalam bab yang berikutnya. Tujuan perbincangan adalah untuk menjelaskan, menganalisis, dan mentafsir kepentingan penemuan kajian berkaitan dengan isu atau masalah yang sedang dikaji dan menerangkan pemahaman baharu atau pandangan segar tentang penemuan berkenaan. Dalam erti kata lain, hasil penemuan mesti dibandingkan dengan kajian terdahulu yang dibentangkan dalam tinjauan literatur untuk menampakkan kepentingan dan sumbangan kajian semasa.

Depending on the field or discipline of study, discussions on the findings can be made in this chapter or the next chapter. The purpose of the discussion is to describe, analyse, and interpret the significance of research findings in light of what was already known about the research problem being investigated, and to explain any new understanding or fresh insights about the findings. In other words, the findings must be compared and contrasted with those of previous studies presented in the literature review, so that the significance and contribution of the present research can be seen.

Bahagian pertama (Pengenalan) dan bahagian terakhir (Ringkasan) boleh dimasukkan dalam Bab ini.

The first section (Introduction) and the last section (Summary) can be included in this Chapter.

2.2.1.5 Bab/ Chapter 5: Kesimpulan *Conclusion*

Bab ini meringkaskan penemuan utama mengikut objektif penyelidikan, membincangkan hasil penyelidikan (jika berkenaan dengan bidang tertentu atau disiplin pengajian), dan mengemukakan implikasi daripada hasil penyelidikan kepada badan ilmu pengetahuan, perkara dasar, pihak berkepentingan dan sebagainya. Ia juga boleh memberi cadangan kepada penyelidikan pada masa depan.

This chapter summarizes key findings as per research objectives, discusses the results of research (if applicable to a particular field or discipline of study), and provides implications of research findings to the body of knowledge, policy matters, stakeholders and so on. It may also include recommendations for future research.

2.2.2 Jadual Tables

Semua jadual mesti dipersembahkan di tengah-tengah halaman yang berkenaan dan dilabelkan mengikut nombor bab tempat ia muncul. Sebagai contoh, jadual dalam Bab 3 dinomborkan secara berturutan sebagai Jadual 3.1, Jadual 3.2 dan sebagainya. Nombor jadual mesti disebut dalam teks dan jadual harus ditempatkan selepas pertama kali ia dirujuk dalam teks.

All tables must be presented at the centre of relevant pages and labelled according to the chapter number by which they appear at. For example, tables in Chapter 3 are numbered sequentially as Table 3.1, Table 3.2 and so on. Then number of tables must be cited in the text and the table should be placed after it is first referenced in the text.

Nombor dan tajuk atau keterangan jadual mesti ditulis dengan jarak tunggal dan saiz fon 12 di sebelah kiri atas jadual tanpa noktah pada akhir ayat.

Number and title or caption of a table must be written in single spacing with a font size of 12 on the top left of the table without a full stop at the end of the sentence.

Sekiranya jadual diambil daripada sumber tertentu, sumber mesti di bawah jadual (sila rujuk gaya APA yang terkini).

If the table was taken from a specific source, the source must be stated under the table (kindly refer to the latest APA style).

Rajah 5 menunjukkan format jadual.

Figure 5 shows the table format.

Table 3.1: Title of table (centre and sentence case, except for specific name)		
Column/ Heading 1	Column/ Heading 2	Column/ Heading 3
Row/ Content 1	Row 1/ Content 4	Row 1/ Content 7
Row/ Content 2	Row 2/ Content 5	Row 2/ Content 8
Row 3/ Content 3	Row 3/ Content 6	Row 2/ Content 9

Source: Hezri, 2021.

Rajah/ Figure 5: Format jadual
Table format

Jika sesebuah jadual mengambil lebih daripada satu halaman, jadual pada halaman berikut mesti menandakan bahawa ia adalah jadual sambungan, contohnya: 'Jadual 3.1 (sambungan): Tajuk'. Baris kepala juga harus diulang. Maklumat tambahan yang berkaitan

dengan jadual boleh dijelaskan dalam bentuk 'nota'. Bergantung kepada saiz jadual, ia boleh dimuatkan dalam halaman perenggan yang sama.

If a table occupies more than one page, the table on the following page must indicate that it is a continuation, for example: 'Table 3.1 (continued): Title'. The header row should also be repeated. Additional information related to the table can be in the 'note' description. Depending on the size of the table, it can be included within the same paragraph page.

2.2.3 **Rajah** *Figures*

Semua rajah mesti dipersembahkan di tengah-tengah halaman yang berkaitan dan dilabelkan mengikut nombor bab di tempat ia muncul. Sebagai contoh, rajah dalam Bab 3 dinomborkan secara berturutan sebagai Rajah 3.1, Rajah 3.2 dan sebagainya. Nombor rajah mesti disebut dalam teks dan rajah harus ditempatkan selepas pertama kali ia dirujuk dalam teks.

All figures are presented at the centre of relevant pages and labelled according to the chapter number by which they appear at. For example, figures in Chapter 3 are numbered sequentially as Figure 3.1, Figure 3.2 and so on. Number of figures must be cited in the text and the figure should be placed after it is first referenced in the text.


Nombor dan tajuk atau keterangan rajah mesti ditulis dengan jarak tunggal dan saiz fon 12 di sebelah kiri bawah rajah tanpa noktah pada akhir ayat.

Number and title or caption of a figure must be written in single spacing with a font size of 12 on the bottom left of the figure without a full stop at the end of the sentence.

Sekiranya jadual diambil daripada sumber tertentu, sumber mesti di bawah jadual (sila rujuk gaya APA yang terkini).

If the table was taken from a specific source, the source must be stated under the table (kindly refer to the latest APA style).

Rajah 6 menunjukkan format rajah.
Figure 6 shows the figure format.



Rajah/ Figure 6: Format jadual (di tengah dan huruf ayat, kecuali nama khas)
Table format (centre and sentence case, except for specific name)

2.2.4 Persamaan atau Formula *Equations or Formula*

Persamaan atau formula mesti ditulis di tengah suatu barisan, dinomborkan pada hujung kanan barisan dan dirujuk kepada bab berkenaan. Sebagai contoh, Persamaan atau Formula 1 dan 2 dalam Bab 2 adalah ditulis seperti berikut:

Equation or formula must be written at the centre of a row, numbered at the right end of the row and referred to the chapter. For example, Equation or Formula 1 and 2 in Chapter 2 are written as follows:

$$y = mx + c \quad (2.1)$$

$$z = 10x^2 + y^2 \quad (2.2)$$

2.2.5 Sitasi, Petikan dan Rujukan *Citation, Quotation and Reference*

Semua sitasi (lihat gaya sitasi dalam **Jadual 5**) atau petikan mesti diberi kredit dalam teks
*All citations (see citation style in **Table 5**) or quotations must be credited in the text*

Petikan boleh dibuat secara terus atau tidak terus.
Quotations may be direct or indirect.

Jadual/ Table 5: Gaya sitasi dalam teks dan kurungan
Citation styles in text and bracket

